

Insurans berkaitan pelaburan

Pengenalan

Ini merupakan panduan sebagai pengenalan untuk membantu anda memahami perlindungan insurans berkaitan pelaburan. Ia memberikan anda maklumat asas untuk membantu anda membuat keputusan yang betul apabila membeli polisi ini.

Apakah pelan insurans berkaitan pelaburan?

Pelan insurans berkaitan pelaburan adalah pelan insurans hayat yang menggabungkan pelaburan dan perlindungan. Premium yang anda bayar bukan sahaja menyediakan anda perlindungan insurans hayat tetapi pada masa yang sama, sebahagian premium juga akan dilaburkan dalam dana pelaburan khusus pilihan anda. Sebagai pemegang polisi, anda boleh memilih bagaimana membahagikan premium insurans anda untuk perlindungan dan pelaburan.

Perlindungan insurans yang disediakan termasuklah manfaat sekiranya berlaku kematian, hilang upaya dan penyakit kritikal.

Dana pelaburan dibahagikan kepada unit yang nilainya sama. Harga unit-unit ini disiarkan setiap hari di dalam akhbar bagi membolehkan anda mengikuti perkembangan nilai pelaburan anda.

Ciri unik pelan insurans berkaitan pelaburan

Sebagai pelan insurans yang menggabungkan pelaburan dan perlindungan, insurans berkaitan pelaburan mempunyai ciri-ciri berikut:

- Anda diberi fleksibiliti untuk memilih sendiri paras perlindungan dan pelaburan anda.
- Anda boleh memilih untuk mengubah jumlah bayaran premium atau perlindungan anda mengikut perubahan kedudukan kewangan anda.
- Anda boleh memilih daripada berbagai dana untuk melabur, bergantung kepada paras risiko yang selesa untuk anda.
- Pelaburan dana pertumbuhan atau dana berkaitan ekuiti mungkin memberikan pulangan yang lebih tinggi daripada pelan insurans hayat tradisional dalam tempoh jangka panjang. Walau bagaimanapun, anda harus ingat bahawa pulangan yang tinggi adalah disertai dengan risiko yang lebih besar.

Jenis pelan insurans berkaitan pelaburan

Lihat Jadual 1.

Memahami

- Pelan insurans berkaitan pelaburan, seperti pelaburan- pelaburan lain, melibatkan pendedahan kepada risiko pelaburan. Oleh kerana pelan insurans berkaitan pelaburan dikaitkan dengan harga unit dana pelaburan (diurus oleh syarikat insurans), jumlah nilai pelan akan mengalami turun-naik mengikut pergerakan harga unit.
- Apabila harga unit jatuh, nilai pelaburan anda akan turut berkurangan dan begitulah juga sebaliknya. Anda mungkin mendapat keuntungan atau kerugian apabila menjual unit anda. Anda juga mungkin akan mendapat kurang daripada apa yang telah anda laburkan.
- Rekod prestasi dana berkaitan pelaburan yang lepas hanya boleh dijadikan panduan kepada prestasi akan datang dan bukan sebagai jaminan.

Pertimbangan penting untuk memilih pelan yang betul

Sebaik sahaja anda membuat keputusan untuk membeli pelan insurans berkaitan pelaburan, anda perlu menimbang faktor-faktor seperti jumlah pelaburan, pilihan sama ada pelan premium tunggal atau premium berkala, dan paras perlindungan yang anda perlukan. Membeli produk seperti ini samalah seperti menyediakan pelan peribadi yang dibuat supaya bersesuaian dengan keperluan khusus kewangan anda. Adalah mustahak bagi anda berhati-hati dalam menilai pilihan anda untuk mendapatkan pelan dan dana yang sesuai dengan keperluan anda. Ada beberapa perkara yang anda harus pertimbangkan apabila membeli pelan insurans berkaitan pelaburan:

Perlindungan insurans - Premium yang anda bayar menyediakan perlindungan untuk kematian dan hilang upaya kekal menyeluruh. Dengan tambahan premium, anda boleh dilindungi untuk penyakit kritikal yang tertentu dan lain-lain pilihan

Fi dan caj - Terdapat beberapa jenis fi dan caj yang akan mengurangkan nilai pelaburan.

Nilai tunai terkumpul - Pelan berkaitan pelaburan premium berkala mungkin tidak mengumpul nilai tunai yang secukupnya pada awal tahun polisi. Ini bermakna sekiranya polisi ditamatkan pada tempoh awal, anda mungkin tidak akan mendapat balik sebarang nilai pelaburan.

Dana yang sesuai untuk melabur - Anda diberi pilihan untuk melabur dalam berbagai dana. Dana yang sebahagian besarnya dilaburkan dalam ekuiti akan melibatkan risiko yang lebih tinggi daripada dana yang dilaburkan dalam sekuriti berpendapatan tetap atau bon. Sebagai contoh, anda mungkin memilih dana pertumbuhan yang melabur dalam ekuiti, atau dana yang lebih selamat yang melabur dalam bon dan pelaburan faedah tetap yang lain, atau kombinasi kedua-duanya. Beberapa syarikat insurans menawarkan Dana Islam yang dilaburkan mengikut prinsip Syariah.

Alihan dana - Sekiranya anda berasa anda telah tersalah membuat pilihan atau anda ingin menukar profil portfolio pelaburan anda, anda dibenarkan untuk mengalih unit anda daripada satu dana pelaburan kepada dana yang lain. Kebanyakan syarikat membenarkan satu alihan setahun tanpa sebarang fi. Untuk alihan tambahan, fi memproses sehingga RM100 mungkin dikenakan.

Harga bida dan harga tawaran

Anda akan diberikan dua harga: harga tawaran untuk unit jualan dan harga bida untuk pembelian balik, sama seperti unit amanah. Perbezaan di antara harga tawaran dan harga bida dipanggil spread bida/tawaran dan ia lazimnya dinyatakan sebagai peratus daripada harga tawaran, biasanya sekitar 5%.

Fi dan caj

Seperti pembelian unit amanah atau syer, terdapat beberapa jenis fi yang dikenakan apabila anda membeli pelan insurans berkaitan pelaburan:

- **Caj permulaan** - Ini dibayar pada permulaan polisi untuk menampung kos pentadbiran seperti pengeluaran polisi dan pemasaran.
- **Fi pengurusan dana** - Ini adalah fi yang dikenakan untuk menguruskan dana pelaburan dan dicaj terus kepada akaun dana berkaitan pelaburan.
- **Fi polisi** - Fi untuk menampung kos pentadbiran pelan premium berkala dan biasanya dikenakan dengan cara menolak daripada unit pelaburan.

- **Caj-caj lain** - Ini akan ditolak daripada unit akaun pelaburan anda, dan termasuk caj-caj bagi perlindungan asas insurans hayat dan manfaat-manfaat lain dari 'rider' yang ditambah. Jumlah caj yang dikenakan bergantung kepada paras atau jenis perlindungan insurans yang dipilih, termasuk juga faktor-faktor lain seperti umur, jantina dan status penghisap rokok.

Penyata tahunan

Anda seharusnya menerima daripada syarikat insurans anda sekurang-kurangnya satu penyata tahunan tentang kedudukan pelan insurans berkaitan pelaburan anda, yang menunjukkan semua transaksi atau caj-caj dalam tempoh tersebut.

Perkara yang diperlu diingat

- Sebelum anda melaburkan wang dalam pelan berkaitan pelaburan, fikirkanlah tentang risiko yang anda sanggup ambil dan pastikan anda benar-benar memahami risiko yang terlibat dan bersedia untuk wang anda terikat untuk tempoh tertentu.
- Anda boleh mendapatkan nasihat profesional daripada syarikat insurans atau ejen anda tentang risiko dan manfaat sesuatu pelan insurans berkaitan pelaburan.
- Bacalah dengan teliti semua maklumat yang disediakan.
- Terdapat 15 hari tempoh membuat keputusan untuk membolehkan anda memikirkan sama ada mahu meneruskan dengan pelan insurans berkaitan pelaburan selepas anda menandatangani. Sekiranya anda bercadang untuk membatalkan pelan anda dalam tempoh tersebut, syarikat insurans akan memulangkan sepenuhnya apa-apa fi dan caj yang telah anda bayar. Walau bagaimanapun, jumlah yang dipulangkan itu mungkin lebih atau kurang daripada yang telah anda bayar, bergantung kepada harga unit pada masa pembatalan.

Bagaimana membuat aduan dan saluran penyelesaian yang tersedia

Bagaimana membuat aduan dan saluran penyelesaian yang ada

- Sekiranya anda mempunyai aduan tentang produk atau perkhidmatan syarikat insurans anda atau anda tidak berpuas hati dengan penolakan atau tawaran penyelesaian tuntutan, anda hendaklah terlebih dahulu cuba menyelesaikan aduan tersebut dengan Unit Aduan syarikat insurans berkenaan.
- Sekiranya anda masih tidak berpuas hati dengan keputusan yang dibuat, anda boleh menulis sama ada kepada Biro Pengantaraan Kewangan (Financial Mediation Bureau atau FMB) atau Bank Negara Malaysia yang akan mengendalikan aduan anda secara percuma. Anda boleh merujuk kepada pegawai di Unit Aduan syarikat insurans yang berkaitan tentang saluran yang betul untuk mengendalikan aduan anda.
- Sekiranya anda ingin mengemukakan aduan kepada FMB, aduan itu hendaklah dikemukakan dalam tempoh enam bulan dari tarikh keputusan muktamad syarikat insurans. FMB mengendalikan pertikaian antara pihak menuntut dengan syarikat insuransnya sendiri atau syarikat insurans pihak ketiga.
- FMB merupakan sebuah badan bebas yang menyediakan saluran yang cepat, mudah dan cekap bagi pengguna merujuk aduan atau pertikaian untuk penyelesaian sebagai alternatif kepada mahkamah.

- Walau bagaimanapun, FMB tidak mengendalikan pertikaian yang melibatkan harga produk insurans dan isu pengunderaitan, kes penipuan dan kes yang telah atau sedang dirujuk di mahkamah.
 - Selain itu, aduan yang dirujuk kepada FMB adalah terhad kepada:-
 - RM200,000 bagi polisi insurans motor dan kebakaran.
 - RM100,000 bagi polisi insurans yang lain.
 - RM5,000 bagi tuntutan kerosakan harta pihak ketiga.

- Bagi kes yang bukan di bawah bidang kuasa FMB, anda boleh mengemukakan aduan tersebut kepada Bank Negara Malaysia.

Maklumat terperinci tentang cara membuat aduan boleh didapati dalam buku kecil bertajuk "Asas-asas Insurans dan Takaful" atau dengan mengakses laman web FMB di www.fmb.org.my.

Pelan Premium Tunggal	Pelan Premium Berkala
<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran premium tunggal secara sekali gus. 	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran premium dibuat secara bulanan, suku-tahunan, separuh-tahunan atau tahunan.
<ul style="list-style-type: none"> • Perlindungan kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh adalah di dalam lingkungan 125% daripada premium dibayar. 	<ul style="list-style-type: none"> • Perlindungan insurans asas bagi kematian atau hilang upaya kekal menyeluruh biasanya berlipat ganda daripada bayaran premium tahunan.
<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran manfaat adalah jumlah diinsuranskan atau nilai unit pelaburan semasa membuat tuntutan, mengikut mana yang lebih tinggi. 	<ul style="list-style-type: none"> • Bayaran manfaat adalah jumlah diinsuranskan dicampur nilai unit pelaburan.
<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian premium yang lebih besar boleh segera dilaburkan untuk menghasilkan pulangan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Bahagian premium yang lebih kecil disediakan untuk pelaburan pada awal tahun polisi kerana caj permulaan adalah lebih tinggi.

Jadual 1